

SILAT BERMULA

B. Harian (M)

MALAM INI

25 AUG 1989

PESILAT negara akan memulakan sumpah pendekar di Kompleks Sukan Petronas, Bangi, malam ini untuk menyambung kejayaan barisan karate-do yang berakhir, petang semalam.

Peluang kali ini mungkin lebih cerah berbanding Sukan SEA dua tahun lalu kerana Indonesia kini menunjukkan muka-muka baru.

Ketua jurulatih kebangsaan, Sani Morni, berkata: "Saya mengharapkan permulaan yang baik malam esok (malam ini). Kejayaan pasukan karate-do negara di gelanggang yang sama, turut mendorong kami melakukannya."

Bagaimanapun, beliau berharap agar peminat silat dapat memberi sokongan padu kepada barisan negara dalam pertandingan nanti.

Malam ini, Mohd Rafie Yaacob, Ahmad Wardi Salim dan Ahmad Khusairi Ibrahim akan menjadi pembuka gelanggang pertarungan.

Timbang badan: Pesilat kena...

26 AUG 1989

B. Harian (M)

BUKAN senang untuk turun ke gelanggang. Ini kerana alat penimbang berkomputer terlalu terperinci dan memaksa pesilat bekerja keras mengurangkan berat masing-masing.

Malah ada yang terpaksa berlari ke hulu ke hilir dan dikukus dalam baju hujan tentera bagi tujuan itu.

Yang lebih menghairankan, alat pengering tangan yang disediakan di tandas Kompleks Sukan Petronas turut dijadikan alat untuk mengurangkan berat badan.

Cara menggunakan alat itu ialah pesilat duduk dibawahnya dan kemudian ditutup dengan menggunakan baju hujan tentera bagi mengeluarkan peluh.

Hanya cara mengeluarkan peluh yang banyak, berat badan akan berkurangan. Ada juga pesilat yang terpaksa kencing berkali-kali bagi mengurangkan berat badan.

Selain itu, ada juga pesilat yang terpaksa bertelanjang 'bulat' sewaktu berada di atas alat penimbang berkomputer.

□.□.□.□.□.□

26 AUG 1989

Mengeluh jadi wabak

BIASANYA, kita sering mendengar keluhan wartawan-wartawan luar negeri mengenai tempat gelanggang yang jauh antara satu sama lain.

Kini, keluhan serupa itu juga kedengaran di kalangan para pegawai dan jurulatihnya.

Umpamanya, seorang pegawai pasukan silat Singapura mengadu tempat acara itu yang terletak di Bangi begitu jauh dari hotel penginapan. Bukan itu saja, acara ini pula diadakan pada sebelah malam. *4 44502 * 5441*

Zaleha pamerkan kepakaran untuk ke akhir

B. Harian (M)

26 AUG 1989



SILAT

SUKAN SEA

ZALEHA Suradi memulakan kempen silat olahraga dengan kemenangan cemerlang untuk ke perlawanan akhir, sambil menyaksikan Normala Yaakob kecundang di perlawanan suku akhir di Kompleks Sukan Petronas, malam tadi.

Zaleha mempamerkan kepakaran untuk menjatuhkan lawan, Faedah Mohamed Noor, dari Singapura sebanyak dua kali bagi mengutip mata kemenangan.

Dia akan bertemu antara Masskinah Mohamood dari Brunei atau Wdade Hanifa dari Indonesia di perlawanan akhir kelas E nanti. Sementara itu, Normala gagal menyaingi ketangkasan pesilat Thailand, Wantanee Boonaided.

Kelebihan pada ketinggian pesilat Thailand dipergunakan sebaiknya untuk melepaskan tendangan-tendangan padu ke dada Normala.

Normala yang menjadi harapan untuk menyumbangkan pingat emas, terpaksa akur dengan kehebatan lawan apabila setiap serangannya tersisih begitu sahaja.

Sebelum itu, pesilat lelaki Kelas E Thailand, Kongkai Muadsing turut ke separuh akhir setelah menumpaskan Hassan Haji Tuah dari Brunei.

Kongkai begitu pantas bertindak dengan melepaskan tendangan tepat ke dada lawan hingga memaksa Hassan di papah keluar selepas tamat pusingan ketiga. Sementara itu dua pesilat Indonesia, Agus Prasetyo (Kelas C) dan Zuchry Harahap (Kelas F) masing-masing melayakkan diri ke separuh akhir.

Bagaimanapun, cabaran pesilat negara seterusnya akan bermula pada jam 2 petang ini.

Harapan negara disandarkan kepada Ahmad Wardi Salim, Wan Aminuddin Baki, Azam Mukthar dan Azam Abas untuk menentukan tempat ke perlawanan akhir.